

## Latihan Sains Tahun 5 : Haba dan Suhu

1. Suatu bahan akan menjadi lebih panas apabila \_\_\_\_\_ haba dan akan menjadi lebih sejuk apabila \_\_\_\_\_ haba.
2. \_\_\_\_\_ ialah suatu bentuk tenaga yang dipindahkan kerana terdapat perbezaan suhu.
3. Alat untuk mengukur suhu ialah \_\_\_\_\_ dan unit piawai bagi suhu ialah darjah \_\_\_\_\_ ( $^{\circ}\text{C}$ ).
4. \_\_\_\_\_ ialah darjah kepanasan atau darjah kesejukan sesuatu bahan.
5. Apabila suhu bahan menurun, aras air dalam termometer menurun kerana cecair tersebut \_\_\_\_\_.
6. Apabila suhu bahan meningkat, aras cecair dalam termometer meningkat kerana cecair tersebut \_\_\_\_\_.
7. Aras \_\_\_\_\_ di dalam termometer ialah aras lengkungan cecair di dalam tiub kaca yang terdapat di dalam termometer.
8. Takat \_\_\_\_\_ air ialah  $0^{\circ}\text{C}$ .
9. Takat \_\_\_\_\_ air ialah  $100^{\circ}\text{C}$ .
10. Apabila air panas dibiarkan, suhu air akan menurun hingga sama dengan suhu \_\_\_\_\_ dan tidak berubah.